

Guru perlu terus tabur bakti

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**
juani.bakar@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Golongan guru perlu terus berbakti dan melaksanakan amanah diberikan demi kejayaan pewaris generasi masa depan negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, sambutan Hari Guru pada tanggal 16 Mei setiap tahun merupakan hari penuh bermakna buat warga pendidik terhadap jasa dan pengorbanan mereka dalam mendidik anak bangsa Malaysia.

Justeru beliau mengharapkan semua guru akan terus berbakti dan melaksanakan amanah diberikan demi kejayaan anak-anak Keluarga Malaysia.

“Tema sambutan Hari Guru tahun ini *Guru Tunjang Sekolah*

Sejahtera adalah bertepatan dengan komitmen warga pendidik untuk sentiasa memberikan terbaik dalam melahirkan pewaris generasi masa depan negara.

“Guru umpama pelita yang menerangi kehidupan sepanjang hayat. Onak dan ranjau tetap ditempuhi dengan tenang.

“Saya berharap para pendidik akan terus berbakti dan melaksanakan amanah yang diberikan untuk anak-anak Keluarga Malaysia kita. Selamat Hari Guru saya ucapkan kepada semua insan yang bergelar guru. Jangan pernah lelah menjadi pelita bagi Keluarga Malaysia,” katanya dalam akaun Facebook beliau, semalam.

Tarikh 16 Mei setiap tahun telah dipilih sebagai Hari Guru

di Malaysia sebagai penghargaan kepada guru yang bertungkus-lumus mendidik anak bangsa ke arah kejayaan masing-masing.

Bagi menggambarkan pengiktirafan kepada jasa guru pada 6 Mei setiap tahun Kementerian Pendidikan akan menganjurkan sambutan Hari Guru dengan melengkapkan pelbagai program menjurus kepada penghargaan golongan itu.

Pada tahun ini, *Guru Tunjang Sekolah Sejahtera* dipilih sebagai tema sambutan.



**ISMAIL
SABRI
YAAKOB**